

UUM/0053 /um/06.08.2001 (p:5Ci)

UUM berusaha kumpul bukti kukuh

KUALA LUMPUR 5 Sept. — Universiti Utara Malaysia (UUM) kini dalam usaha mengumpulkan bukti yang kukuh sebelum mengambil sebarang tindakan terhadap pensyarah yang dikenal pasti terlibat dengan kegiatan antikerajaan.

Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri berkata, lima pensyarah tersebut sedang di soal siasat oleh sebuah jawatan-kuasa khas yang telah dibentuk bagi mengetahui sejauh mana seriusnya penglibatan mereka dalam kegiatan itu.

Katanya, jika sabit kesalahan mereka yang terbabit boleh dikenakan tindakan di bawah peruntukan Akta Badan-Badan Berkanun Tata-tertib Surcaj 2000.

"Antara tindakan yang boleh dikenakan termasuk dipecat, ditukarkan, diturunkan pangkat atau diturunkan gaji," katanya kepada Utusan hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas langkah Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengambil tindakan tegas membanteras gerakan antikerajaan dengan memecat seorang pensyarah dan mengenakan tindakan disiplin terhadap 47 kakitangan lain termasuk ditukar tempat lain.

Selain itu, UiTM juga membubarkan dua persatuan pelajar, Persatuan Mahasiswa Intelek dan Kelab Usahawan kerana didapati menjalankan gerakan negatif itu.

um 06/08/2001
5:1 um 12